

# PEMBANGUNAN WAKAF DALAM SEKTOR KEAGAMAAN, TEKNOLOGI DAN KESIHATAN DI NEGERI SEMBILAN

**Mohamad Khairul Izwan Rifin**  
School of Behavioral Sciences and Humanities  
KPJ Healthcare University College  
izwandps@gmail.com

**Wan Kamal Mujani**  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
inamal@yahoo.com

**Izziah Suryani Mat Resad@Arshad**  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[izziah@ukm.my](mailto:izziah@ukm.my)

## ABSTRAK

*Wakaf dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia telah lama dilaksanakan. Pengurusan harta wakaf di Malaysia diletakkan di bawah pentadbiran agama negeri masing-masing dan al-mutawalli yang dilantik. Banyak kajian telah dilakukan berkaitan wakaf yang memberi pelbagai manfaat dan sumbangan kepada masyarakat Muslim. Justeru, objektif utama kajian ini adalah mengkaji pembangunan wakaf dalam sektor keagamaan, teknologi dan kesihatan di Negeri Sembilan yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS), pihak swasta dan individu. Metode yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Hasil kajian mendapati, wakaf dalam sektor teknologi, keagamaan dan kesihatan di Negeri Sembilan ternyata memberi pelbagai kemudahan kepada umat Islam khususnya dan masyarakat setempat umumnya. Ekoran daripada itu, pihak kerajaan, swasta dan individu haruslah bersama-sama bertanggungjawab dalam membangunkan harta wakaf dan memastikan sumbangan wakaf dapat dimanfaatkan kepada masyarakat dengan semaksimum mungkin.*

**Lapang Kajian:** Wakaf, Keagamaan, Teknologi dan Kesihatan.

## 1. PENGENALAN

Wakaf merupakan satu bentuk ibadah bagi umat Islam dalam membangunkan insan. Ini kerana dengan mewakafkan harta yang disayangi untuk kepentingan masyarakat umum, ia akan dapat mendidik jiwa agar menjadi seorang yang berjaya mengikis sifat bakhil dan kedekut seterusnya menanam sifat pemurah, mengikis sifat mementingkan diri sendiri, menanam sifat timbang rasa, memperteguh persaudaraan Islam dan menanam sikap menjadikan harta sebagai jambatan yang menjadi penghubung untuk mendapatkan keredhaan Allah S.W.T.

Selain itu juga, wakaf berperanan dalam mendidik jiwa muslim agar melakukan pengorbanan dalam bentuk kebendaan (material) kepada orang lain secara berkekalan (Suwaid b. Tapah 1994). Pensyariatan dalam harta wakaf juga menjadi sebagai suatu cabaran tanggungjawab sesama manusia dan darjah ketaqwaan kepada Allah Yang Maha Esa (Kamaruddin Ngah 1992). Tambahan pula, wakaf memberi ruang bagi mereka yang tidak mempunyai waris untuk memperbanyakkan kebajikan dengan mewakafkan harta milik mereka untuk manfaat umum (Mohd Zain Haji Othman 1998).

Wakaf dalam perundangan Islam adalah menunjukkan suatu pemberian yang dimaksudkan untuk tujuan-tujuan keagamaan, kekeluargaan, kebajikan dan lain-lain (Gibb, H.A.R & Kramers, J.H 1974). Menurut al-Qurṭubī, wakaf ialah mengeluarkan harta dan manfaat yang dimiliki ke jalan yang diredhai oleh Allah S.W.T demi untuk menghampirkan diri kepadaNya (al-Qurṭubī 1980). Wakaf juga merupakan suatu bentuk penyerahan harta sama ada secara ṣarīh iaitu terang atau kināyah iaitu sindiran, di mana harta berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja yang diaplikasikan untuk tujuan-tujuan kebajikan sama ada berbentuk umum mahupun khusus. Harta yang diwakafkan hendaklah berada dalam keadaan baik, kekal dan tujuan ia melakukan wakaf adalah untuk mendekati diri kepada Allah S.W.T dan memberi kebajikan kepada orang lain (al-Dusuqī 1980).

Di Negeri Sembilan, MAINS telah menyenaraikan luas keseluruhan tanah wakaf yang terdiri daripada wakaf am dan wakaf khas dengan jumlah 14.8464 hektar. Bagi daerah Seremban sahaja, keluasan tanah wakaf yang disenaraikan adalah 2.6478 hektar, daerah Kuala Pilah 3.6639 hektar, daerah Port Dickson 3.0800 hektar, daerah Jempol 0.2569 hektar, daerah Tampin 2.0790 hektar, dan daerah Jelebu 3.1188 hektar (Majlis Agama Islam Negeri Sembilan 2013). Jadual di Lampiran adalah senarai tanah Wakaf di Negeri Sembilan sehingga tahun 2012 mengikut pecahan daerah. Kebanyakan jenis tanah atau kategori wakaf yang disenaraikan adalah bangunan, rumah, apartmen, tanah pertanian, tanah kosong, pusat pengajian, masjid, surau dan tanah perkuburan. MAINS juga masih meningkatkan usaha untuk menyenaraikan sebanyak mungkin tanah waqaf yang belum lagi diserahkan secara bertulis kepada pihak MAINS. Usaha ini dilihat sebagai langkah strategik untuk memudahkan MAINS mengenalpasti jenis wakaf atau tanah yang bersesuaian untuk dibangunkan dan diusahakan terutamanya dalam bentuk wakaf am.

## 2. ULASAN KEPUSTAKAAN

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk menganalisis sumbangan wakaf dalam sektor keagamaan, teknologi dan kesihatan di Negeri Sembilan. Osman Sabran (2002) dalam kajiannya *Pengurusan Harta Wakaf* menyatakan bahawa harta yang diwakafkan perlu diurus dengan cara yang

betul, sama ada diuruskan oleh pihak kerajaan atau pihak swasta yang diamanahkan. Lantaran dari pengurusan harta yang baik dilihat mampu untuk memberi manfaat yang maksimum kepada umat Islam dan masyarakat setempat.

Selain daripada itu, Asmak ab Rahman (2009) di dalam kajiannya *Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam dan Aplikasinya di Malaysia* menyatakan di Malaysia projek pembangunan tanah wakaf telah mula dijalankan. Projek-projek pembangunan ekonomi yang dilaksanakan di Malaysia masa kini kebanyakannya menggunakan harta wakaf yang diperolehi hasil pulangan daripada harta itu sendiri atau dari kumpulan wang dana saham wakaf. Sehubungan dengan ini, pembentukan dana wakaf yang sememangnya selari dengan keperluan sosio-ekonomi Negara dijangkakan dapat menjana keuntungan yang tinggi dan dalam masa yang sama dapat meringankan bebanan kewangan yang ditanggung oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam membiayai pembangunan harta wakaf. Justeru, amalan wakaf oleh masyarakat Muslim perlu dikembangkan agar dana wakaf dapat dikumpulkan dan tanah wakaf dibangunkan.

Menurut Habibollah Salarzahi, Hamed Armesh serta Davoud Nikbin (2010) dalam artikel jurnal akademik *International Journal of Business and Management*, *Waqf as a Social Entrepreneurship Model in Islam* menyebut bahawa wakaf dilihat sebagai satu alat yang boleh digunakan dalam pengagihan kekayaan melalui usahawan di dalam sesebuah masyarakat. Pembangunan sumber perlu dilakukan tetapi ia juga memerlukan dana dari pihak kerajaan. Justeru itu, kajian mengenai pembangunan sumber dari amalan wakaf adalah amat perlu dilakukan bagi mengenalpasti kewujudan dana dalam membantu mengembangkan amalan wakaf. Daripada dana yang diperolehi, maka pelbagai projek pembangunan dapat dilakukan oleh pihak berwajib dan mampu memberi impak kepada kemajuan ekonomi negara.

### **3. METODOLOGI KAJIAN**

Kajian kertas kerja ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif menerusi metode *historical study*. Secara keseluruhannya dalam rangka menyiapkan kajian ini, penulis menggunakan kaedah *library research* (kajian kepustakaan) untuk mengumpulkan maklumat dan bahan rujukan yang berkaitan dengan kajian. Di samping itu, penulis turut merujuk maklumat dari laman sesawang untuk mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan. Walaubagaimanapun, penulis terlebih dahulu akan memastikan keautoritian maklumat yang dibekalkan dan hanya memilih laman yang bersifat ilmiah sahaja. Antara laman sesawang tersebut ialah laman web perpustakaan UKM dan laman web institusi kerajaan serta swasta. Melalui laman tersebut, penulis boleh mengakses bermacam-macam jurnal, tesis dan artikel yang dihasilkan oleh penulis-penulis di luar negara serta dalam negara yang amat berguna kepada kajian penulis. Selain itu juga, penulis juga melakukan temubual bersama pegawai kerajaan yang berkhidmat di dalam pembangunan wakaf di Negeri Sembilan, serta individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam hal berkaitan wakaf. Temubual ini direkodkan dan dijadikan rujukan serta panduan penulis untuk mengukuhkan bukti maklumat yang diperolehi dalam bentuk data.

## **4. PEMBANGUNAN WAKAF DALAM SEKTOR KEAGAMAAN, TEKNOLOGI DAN KESIHATAN DI NEGERI SEMBILAN**

### **4.1 Pembangunan Wakaf Dalam Sektor Keagamaan**

Kompleks Al-Saadah Seremban dahulunya dikenali sebagai Pusat Kegiatan Saudara Baru di Negeri Sembilan telah di baik pulih dari kompleks yang asal dan siap sepenuhnya pada 19 Januari 2012.

Bangunan Kompleks al-Saadah dibina mengikut konsep seni bina Masjid Xian di China lengkap dengan laman dan menara pagoda menelan belanja sebanyak RM 7.76 juta. Kerajaan Persekutuan menerusi Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) telah memperuntukkan sebanyak RM 4.5 juta dan bakinya sebanyak RM 3.26 juta dibiayai oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) (JAWHAR 2013; Mohd Shahrul bin Bahaman 2013). Projek Pembangunan Hartanah JAWHAR ini adalah yang ke lapan berjaya disiapkan hasil daripada usaha semua pihak yang terlibat termasuk individu dan juga kerajaan.

Kompleks al-Saadah menjadi mercu tanda Negeri Sembilan di samping menjadi tempat saudara baru atau muallaf mendalami dan memantapkan kefahaman Islam dengan solat berjemaah, mengikuti kelas bimbingan akidah dan al-Quran serta pelbagai lagi aktiviti sosial dan kemasyarakatan. Pelbagai kemudahan disediakan antaranya Dewan Serbaguna, Dewan Makan, Bilik Mesyuarat, Bilik Imam, Bilik VIP, Perpustakaan, Bilik Mandi Jenazah, Dewan Solat Utama, Ruang Pejabat, Hostel dan juga Kuarters Mubaligh (JAWHAR 2013; Mohd Shahrul bin Bahaman 2013).

Pembinaan Kompleks ini adalah selaras dengan visi dan misi JAWHAR dalam meningkatkan taraf sosio-ekonomi ummah menerusi pengukuhan institusi wakaf yang berfokuskan bukan sahaja kepada ekonomi tetapi juga kepada penerapan pembudayaan ilmu agama. Dengan wujudnya Kompleks al-Saadah ini, ia akan dapat membantu kerajaan Negeri Sembilan menerusi MAINS untuk menguruskan saudara baru atau muallaf seperti orang Cina dan India menikmati kehidupan baru yang lebih selesa jika mereka disisihkan dari keluarga mereka.

Di dalam memastikan umat Islam mendapat tempat ibadah yang sempurna, terdapat banyak masjid yang telahpun diwakafkan oleh sebilangan individu di Negeri Sembilan. MAINS juga masih lagi meneruskan usaha untuk mengubah status tanah di masjid-masjid kepada status tanah wakaf agar lebih mudah diuruskan pada masa akan datang. Antara masjid yang telahpun diwakafkan adalah Masjid al-Falah Taman Tuanku Puan Chik, Bahau. Tanah tersebut diwakafkan oleh seorang penduduk setempat dan pembinaan bangunannya adalah ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri. Selain itu, Masjid Jamek Tampin juga merupakan antara masjid yang telah diwakafkan. Tanah tapak masjid ini telah diwakafkan oleh Tunku Besar Tampin iaitu Yang Teramat Mulia Tunku Syed Razman bin Tunku Syed Idrus Al-Qadri, manakala bangunannya adalah di tanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Pada tahun 2010, Masjid Dr. Hj. Muhammad Eusuff Teh yang terletak di Pedas Hilir telah diwakafkan sepenuhnya oleh keluarga beliau untuk digunakan oleh penduduk setempat dan umat Islam (Mohd Shahrul bin Bahaman 2013).

Selain itu juga, terdapat dua buah masjid yang masih lagi di dalam pembinaan dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2014. Dua buah masjid tersebut yang terletak di Bandar Sri Sendayan dan Seremban Dua itu diwakafkan oleh Tan Sri Abdul Rashid Hussain dan sebahagian dananya adalah dari pihak MAINS. Dengan terbinanya masjid-masjid baru yang diwakafkan oleh individu dan kerajaan, ianya mencerminkan betapa umat Islam amat menitikberatkan institusi masjid sebagai tempat untuk menyuburkan Islam di kalangan masyarakat di Malaysia (N9kini 2012).

Selain masjid, umat Islam di Negeri Sembilan juga turut mewakafkan tanah bagi tujuan penempatan tanah perkuburan. Menurut fakta yang diperolehi dari MAINS, kebanyakan tanah kubur merupakan tanah *reserve* Kerajaan Negeri dan diuruskan oleh pihak JHEAINS. Namun terdapat beberapa tanah perkuburan yang telah pun ditukarkan kepada tanah wakaf. Antaranya adalah Tanah Perkuburan Kg. Jijan. Tanah perkuburan ini telah diwakafkan oleh Tn. Haji Sidek Buyadi yang berkeluasan satu ekar (Mohd Shahrul bin Bahaman 2013). Tanah perkuburan ini telah didaftarkan atas nama MAINS dan digunakan untuk tujuan kematian umat Islam setempat. Selain itu, pada bulan Mei 2011, Pn.

Fadzilah bte Siarap telah mewakafkan sebidang tanah perkuburan yang terletak di Kg. Sungai Ijai. Tanah perkuburan ini adalah seluas 0.41 hektar. Contoh yang lain juga adalah sebuah tanah perkuburan yang telah diwakafkan oleh Pn. Siti Zaliha Mohd Yusof. Tanah perkuburan ini terletak di Mukim Johol di atas tanah lot 2706 (Mohd Shahrul bin Bahaman 2013).

#### **4.2 Pembangunan Wakaf Dalam Sektor Teknologi**

Kompleks Baitul Hilal telah dinaik taraf sebagai pusat kaji bintang yang moden dan terunggul di rantau ini. Keseluruhan projek ini melibatkan kos sebanyak RM30 Juta yang dijalankan secara usahasama Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dengan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) (Kompleks Baitul Hilal 2012). Pembangunan semula Kompleks Baitul Hilal ini telah dimulakan sejak Disember 2009 dan siap pada November 2011 (Mohd Shahrul bin Bahaman 2013). Selain dilengkapi dengan pelbagai kemudahan canggih, kompleks ini menjadi pusat astronomi yang terbaik bukan sahaja di Malaysia malah di rantau ini. Balai cerap Kompleks Baitul Hilal Teluk Kemang ini merupakan mercu tanda sebagai pusat kaji bintang kebanggaan umat Islam yang terbaik di rantau ini. Kompleks ini menjadi pusat rujukan dan penyelidikan penting bagi pelbagai kegiatan seperti melihat anak bulan, kaji bintang dan planet terutamanya bagi menjana pembangunan dan kemajuan ilmu astronomi.

Terdapat pelbagai kemudahan teknologi canggih terdapat di dalam balai cerap ini seperti teleskop sepanjang 609 milimeter, yang merupakan teropong jauh terbesar di Malaysia dan di antara Asia Tenggara. Malah teleskop yang digunakan adalah daripada jenis teleskop *cassegrain* yang merupakan antara terancang di dunia. Kedudukan kubah yang boleh bergerak sendiri pada 360 darjah mengikut arah jam atau lawan jam, dan bumbungnya yang boleh dibuka mengikut kedudukan teleskop jelas membuktikan kecanggihan teknologi yang digunakan. Bangunan hotel butik bertaraf tiga bintang yang diberi nama Klana Beach Resort adalah sebahagian daripada Kompleks Baitul Hilal dan merupakan hotel pertama di negeri ini yang menawarkan konsep pematuhan syariah dalam operasinya. Klana Beach resort mempunyai 82 bilik yang dibahagikan kepada 43 bilik superior, 39 bilik deluxe dan tiga unit apartmen (Mohd Shahrul bin Bahaman 2013).

#### **4.2 Pembangunan Wakaf Dalam Sektor Kesihatan**

Amalan wakaf juga dilihat mampu menjadikan kesihatan sebagai satu petunjuk kepada pembangunan ummah kerana memberi kemudahan kesihatan kepada masyarakat Muslim dan bukan Muslim. Walaupun di Malaysia amnya dan Negeri Sembilan khususnya terdapat hospital dan klinik yang disediakan oleh kerajaan dan swasta, institusi wakaf seperti MAINS dan PWNS juga turut membantu dalam membangunkan perkhidmatan kesihatan dengan kos yang rendah kepada masyarakat.

Waqaf an-Nur Corporation Berhad (Waqaf An-Nur) merupakan sebuah syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer yang ditubuhkan untuk menguruskan aset dan saham-saham syarikat dalam kumpulan Johor Corporation yang diwakafkan. Waqaf an-Nur mula beroperasi pada 25 Oktober 2000 dengan nama Pengurusan Klinik Waqaf an-Nur Berhad. Pengurusan Klinik Waqaf an-Nur Berhad pada awalnya ditubuhkan untuk menguruskan klinik-klinik waqaf dan pusat dialisis di bawah Johor Corporation yang diuruskan oleh KPJ Healthcare Berhad. Syarikat ini kemudiannya ditukarkan namanya kepada Kumpulan Waqaf An-Nur Berhad pada 19 Julai 2005 yang mana peranan dan aspirasi yang lebih luas lagi dipertanggungjawabkan kepada syarikat ini (Waqaf an-Nur Corporation Berhad 2013).

Sehingga tahun 2012, sebanyak 18 Klinik Waqaf an-Nur (KWAN) termasuk sebuah Hospital Waqaf (HWAN) telah beroperasi. Antara Klinik-klinik yang telah beroperasi adalah 6 di Johor iaitu KWAN Kotaraya, HWAN Masjid Pasir Gudang, KWAN Masjid Batu Pahat, KWAN Masjid Muar, KWAN Masjid Kluang dan KWAN Larkin Sentral. Manakala terdapat 7 buah klinik beroperasi di Selangor iaitu KWAN Masjid Sungai Buloh, KWAN Ijok, KWAN Masjid Bukit Indah Ampang, KWAN Masjid Jamek Pekan Kajang, KWAN Masjid Al-Falah USJ 9, KWAN Masjid al-Syakirin Jalan Gombak dan KWAN Masjid al-Amaniah Batu Caves. Selain dari Johor dan Selangor, terdapat juga 2 buah Klinik Waqaf di Sarawak iaitu KWAN Baitulmal Satok dan KWAN Baitulmal Semariang Kuching, sebuah di Perak iaitu KWAN Masjid Gugusan Manjoi, dan 2 buah di Negeri Sembilan iaitu KWAN MAINS Senawang dan KWAN Masjid Jamek Pekan Rembau (Waqaf an-Nur Corporation Berhad 2013; KPJ Healthcare Berhad 2012). Klinik dan Pusat Dialisis Wakaf An-Nur MAINS di Senawang adalah sebuah klinik dan pusat dialisis yang telah mula beroperasi sejak tahun 2004. Penubuhan klinik dan pusat dialisis ini adalah satu program amal usahasama yang dilaksanakan antara KPJ Healthcare Berhad di bawah pengurusan Hospital Pakar KPJ Seremban dengan kerjasama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS).

Usaha yang dilakukan ini adalah untuk memastikan masyarakat setempat berpeluang mendapatkan rawatan di klinik dan pusat dialisis yang berkonsepkan amal jariah bagi meringankan beban orang ramai terutama pesakit buah pinggang yang perlu mengeluarkan belanja besar jika mendapatkan rawatan di klinik dan pusat dialisis lain. 14 mesin telah di sediakan oleh Pusat Dialisis Klinik Waqaf An-Nur bagi memudahkan dan melancarkan lagi sesi rawatan yang dijalankan. Secara keseluruhannya sehingga Disember 2012, Klinik dan Pusat Dialisis Wakaf An-Nur telah memberi perkhidmatan lebih kepada 25,113 orang pesakit (Waqaf an-Nur Corporation Berhad 2013; KPJ Healthcare Berhad 2012). Antara perkhidmatan yang disediakan oleh Klinik dan Pusat Dialisis Waqaf An-Nur ini adalah rawatan dialisis dan ubat-ubatan kepada pesakit buah pinggang yang berpendapatan kurang dari RM1000 sebulan. Rawatan am juga disediakan kepada pesakit luar yang memerlukan perundingan kesihatan seperti demam, batuk dan masalah kesihatan biasa dengan bayaran RM5 sahaja tanpa mengira agama atau bangsa termasuk Muslim dan Bukan Muslim (Waqaf an-Nur Corporation Berhad 2013; KPJ Healthcare Berhad 2012).

Pembukaan Klinik Waqaf An-Nur di seluruh Malaysia kebanyakannya di bina di perkarangan masjid-masjid. Jelas sekali bahawa Klinik Waqaf semakin berjaya menjadi simbol pewakafan yang sekaligus menyumbang kepada peningkatan imej Islam yang unik dan dapat dilaksanakan berpanjangan bagi membantu golongan yang memerlukan. Oleh yang demikian, MAINS meneruskan hasrat murni ini dengan menambah lagi sebuah Klinik Waqaf An-Nur MAINS di Negeri Sembilan iaitu di Masjid Daerah Rembau yang sedang beroperasi sementara sekarang dan dijangka akan siap pembinaan bangunan sepenuhnya pada tahun 2013. Usaha mewujudkan Klinik dan Pusat Dialisis ini sangat bermanfaat untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan mendapatkan rawatan kesihatan sama seperti orang awam. Ia sedikit sebanyak mengurangkan beban yang ditanggung oleh golongan berpendapatan rendah dalam mengharungi taraf hidup yang semakin meningkat dewasa ini.

## **5. KESIMPULAN**

Pelaksanaan pembangunan terhadap harta wakaf bukanlah suatu perkara yang remeh dan mudah. Hal ini kerana setiap harta wakaf terletak di lokasi yang berbeza dan keadaan fizikal harta tersebut juga adalah berbeza. Selain itu, pelaksanaan pembangunan terhadap harta wakaf tersebut juga perlu mematuhi syarat-syarat dan prosedur yang telah ditetapkan. Namun, dengan langkah dan tindakan yang telah dilaksanakan oleh MAINS dan PWNS, didapati bahawa institusi ini telah



berusaha sedaya upaya untuk membangunkan tanah-tanah wakaf seperti mana yang telah disyaratkan oleh pewakaf agar kesemua harta tersebut dapat dimanfaatkan secara optimum dan memberi kebaikan kepada pihak yang berhak.

Peranan dan sumbangan dari amalan wakaf oleh umat Islam Negeri Sembilan sangat memberi impak kepada kemajuan ruhaniah dan insaniah. Individu dari pelbagai lapisan masyarakat seperti golongan ulama, bangsawan, hartawan yang terdiri daripada golongan atasan, pertengahan dan bawahan turut terlibat di dalam amalan wakaf untuk menyuburkan lagi sunnah Rasulullah S.A.W ini. Pengetahuan Islam yang tinggi dan kesedaran kepada pentingnya meneruskan amalan wakaf di Negeri Sembilan menunjukkan bahawa umat Islam di Negeri Sembilan khususnya dan di Malaysia amnya berjaya mendidik masyarakat Muslim dalam mengukuhkan wakaf untuk pembangunan insan yang menerapkan kesempurnaan amalan sunnah. Amalan wakaf masyarakat Muslim di Negeri Sembilan sememangnya perlu diambil perhatian. Sumbangan dalam pendidikan, ekonomi, teknologi dan sebagainya berjaya menarik minat umat Islam untuk terus mengekalkan amalan wakaf ini bagi tujuan pengibadatan kepada Allah S.W.T. Peranan dari individu dan juga institusi kerajaan dalam memelihara harta wakaf juga perlu dititiberatkan agar harta wakaf yang sedia ada tidak dibiarkan begitu sahaja tanpa pembangunan.

## RUJUKAN

Asmak Ab Rahman. 2009. Peranan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia. *Jurnal Syariah*. Jil 17. Bil 1.

al-Dusuqī, Shams al-Dīn Shaykh Muhammad ʿArfaḥ, 1980, *Ḥashiyyah al-Dusuqī ʿalā Sharḥ al-Kabīr*, Jil. 4, Qāhirah: Dār Iḥyāʾ al-Kutub al-ʿArabiyyah, hlm. 75.

Gibb, H.A.R & Kramers, J.H, 1974, *Shorter Encyclopedia of Islam*, Leiden:E.J Brill, hlm. 624.  
Kamaruddin Ngah, 1992, *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. Vii.

Habibollah Salarzahi, Hamed Armesh & Davoud Nikbin. 2010. Waqf as A Social Entrepreneurship Model In Islam. *International Journal of Bussiness and Management*. Vol 5. No. 7. t.tp, t.pt.

JAWHAR, 2013, <http://www.jawhar.gov.my/index.php/ms/pelbagai/berita-jabatan/4-s1>, [4 Februari 2013].

Kamaruddin Ngah. 1992. *Isu Pembangunan Tanah Wakaf*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kompleks Baitul Hilal. [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1102&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Selatan&pg=ws\\_07.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1102&pub=Utusan_Malaysia&sec=Selatan&pg=ws_07.htm), Arkib 2 November 2011. [10 Disember 2012].

KPJ Healthcare Berhad. 2012. Laporan Tahunan.

Majlis Agama Islam Negeri Sembilan. 2013. Senarai Tanah Wakaf Negeri Sembilan 2012.

Mohd Shahrul bin Bahaman. 2013. Sumbangan Amalan Wakaf. Temu bual, 4 Februari.

Mohd Zain Haji Othman. 1998. *Wakaf Dari Perspektif Undang-Undang Islam, Amalan dan permasalahan di Malaysia, dalam Ahmad Ibrahim Undang-Undang Keluarga dan Harta Wakaf, Al-Ahkam*, Jil. 6, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 183.

N9kini. 2012. <http://n9kini.com/masjid-hussain-bernilai-rm15-juta-dan-di-jangka-siap-dalam-tempoh-14-bulan/>. [3 Januari 2013].

Osman Sabran. 2002. *Pengurusan Harta Wakaf*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

al-Qurtubi, Yusuf ibn 'Abdu'llah. 1980. *Kitab al-kafi fi Fiqh ahl al-Madinah al-Maliki*. Jil. 2, Riyadh: Maktabah al-Riyadh al-Hadithah. hlm. 1012.

Suwaid b. Tapah. 1994. Undang-undang Pentadbiran Wakaf di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Jil. 2, Bil. 1, Januari 1994. hlm. 81.

Waqaf an-Nur Corporation Berhad. 2013. Laporan Tahunan. t.pt.; Laporan Tahunan KPJ Healthcare Berhad. 2012.

## LAMPIRAN

Jadual: Senarai tanah wakaf Negeri Sembilan 2012

Jenis Hakmilik	No.	No. Lot/PT	Keluasan Wakaf	Jenis Wakaf/Tujuan	Catatan
GRN 181874		LOT 3446	0.0234 ha	Wakaf Am	Sebuah Rumah
HS(M) 2876		Lot 17444	0.0511 ha	Wakaf Am	Tanah Kosong
GM 1507		Lot 26556	0.5294 ha	Wakaf Khas (Sekolah Agama)	Tanah Kosong
GERAN 20323		Lot 9329	0.0557 ha	Wakaf Am	Sebuah Rumah
GERAN 20323		Lot 13799	0.0780 ha	Wakaf Khas (Surau)	Tanah Kosong
GM 975		Lot 2194	1.255 ha	Wakaf Am	Tanah Kosong
GERAN 130480		Lot 6712	0.1457 ha	Wakaf Khas (Masjid)	Tanah Kosong
GM 4048		Lot 6781	0.4133 ha	Wakaf Khas (Surau/Kubur)	Tanah Kosong
HSM 287		PT 416	0.4047 ha	Wakaf Khas (Kubur)	Kubur
GM 1710		Lot 423	0.0651 ha	Wakaf Khas (Surau)	Surau
GM 327		Lot 4464	1.0286 ha	Wakaf Khas Sekolah Agama	Sekolah
GM 3295		Lot 316	0.1686 ha	Wakaf Khas (Masjid)	Tanah Kosong
GM 217		Lot 10330	0.5816 ha	Wakaf Am	Tanah Kosong
GM 1739		Lot 4709	0.9493 ha	Wakaf Am	Tanah Kosong
GM 110		Lot 552	0.9358	Wakaf Am	Tanah Kosong



GM 1833	Lot 5940	1.151 ha	Wakaf Khas (Pusat Pengajian Islam)	Tanah Kosong
GM 1342	Lot 1205	1.5302 ha	Wakaf Khas (Masjid)	Tanah Kosong
GERAN 50107	Lot 1300	0.0077 ha	Wakaf Am	bersambung... Rumah Pangsa
GM 1076	Lot 2685	0.3911 ha	Wakaf Am	Rumah Sewa
GERAN 69991	Lot 2766	0.2569 ha	Wakaf Khas (Surau)	Tanah Kosong
GERAN 76040	Lot 1301	2.0108 ha	Wakaf Am	Tanah Kosong
GM 200	Lot 1667	0.4473 ha	Wakaf Am	Getah
GERAN 69794	Lot 805	0.1614 ha	Wakaf Am	Tanah Kosong
GERAN 185343	Lot 189	0.4993 ha	Wakaf Khas (Masjid)	Tanah Kosong
GM 256	Lot 1252	0.7131 ha	Wakaf Am	Tanaman Geharu
GM 1155	Lot 8341	0.574 ha	Wakaf Khas (Masjid/Surau)	Tanah Kosong
GM 389	Lot 1098	0.4125 ha	Wakaf Am	Tanah Kosong
GM 165	Lot 319	0.3794 ha	Wakaf Khas (Kubur)	Tanah Kosong

Sumber: Majlis Agama Islam Negeri Sembilan 2012